



**PUBLIC ISLAMIC BANK**

WHOLLY-OWNED SUBSIDIARY OF PUBLIC BANK

**PUBLIC ISLAMIC BANK BERHAD**

Menara Public Bank, 146 Jalan Ampang,  
50450 Kuala Lumpur, Malaysia.

Diuruskan oleh:



**AIA PUBLIC  
TAKAFUL**

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web Bank kami,  
hubungi 603-2170 8000 atau kunjungi mana-mana cawangan PIB.



**PUBLIC ISLAMIC BANK BERHAD** 197301001433 (14328-V)  
Ahli PIDM

**PB EXCELLINK-i**

(Ini ialah **PRODUK TAKAFUL**)

PELAN PERLINDUNGAN YANG OPTIMUM  
UNTUK PELABURAN ANDA



AIA PUBLIC Takaful Bhd. merupakan ahli PIDM.  
PERLINDUNGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM") UNTUK MANFAAT YANG  
DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT SIJIL TAKAFUL / PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA  
SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS")  
PIDM atau hubungi AIA PUBLIC Takaful Bhd. atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

## **PB EXCEL*LINK-i***

(Ini ialah **PRODUK TAKAFUL**)  
PELAN PERLINDUNGAN YANG OPTIMUM  
UNTUK PELABURAN ANDA

**PB Excel*Link-i*** adalah pelan Takaful Berkaitan Pelaburan dengan Caruman Tunggal yang patuh Syariah yang memberikan perlindungan ke atas kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK).

**PB Excel*Link-i*** sesuai untuk anda yang menginginkan perlindungan Takaful yang menyediakan peluang pelaburan. Pelan ini memberikan anda fleksibiliti untuk memilih daripada Dana-dana Berkaitan Pelaburan AIA PUBLIC Takaful Bhd. (AIA PUBLIC), yang bersesuaian dengan keperluan dan profil risiko anda.

## MENGAPA **PB EXCEL*LINK-i***?



**PERLINDUNGAN DAN PELABURAN  
DALAM SATU PELAN**



**FLEKSIBILITI DALAM PELABURAN**



**PENDAFTARAN YANG MUDAH**



**PENYELESAIAN YANG PATUH SYARIAH**




**POTENSI PERTUMBUHAN KE ATAS  
DANA YANG DILABURKAN**

# BAGAIMANAKAH PB EXCELLINK-i BERFUNGSI?

## Perlindungan dan Pelaburan dalam SATU Pelan

- Perlindungan sehingga 100 tahun<sup>1</sup> dengan hanya satu bayaran caruman.
- Jika berlaku kematian atau HUMK kepada Orang Yang Dilindungi, jumlah tertinggi di antara mana-mana yang berikut akan dibayar:



- Jumlah Dilindungi Keseluruhan = Jumlah Dilindungi + 100% Caruman Tokokan - 100% Pengeluaran
- Jumlah Dilindungi untuk hayat standard adalah seperti berikut:

Umur Penyertaan	Jumlah Dilindungi
14 hari – 55 tahun	125% daripada Caruman Tunggal
56 – 70 tahun	105% daripada Caruman Tunggal

Jumlah Dilindungi untuk hayat substandard ialah 105% daripada Caruman Tunggal.

- Apabila Sijil matang, Nilai Akaun adalah amaun yang akan dibayar.

## Fleksibiliti Pelaburan

- Anda mempunyai kebebasan untuk melabur lebih banyak<sup>2</sup> sekiranya anda mempunyai wang lebihan atau membuat pengeluaran<sup>3</sup> Nilai Akaun apabila anda memerlukannya.
- Anda boleh menikmati fleksibiliti untuk menukar dana anda pada bila-bila masa mengikut tahap toleransi risiko anda.

## Pendaftaran yang Mudah

- Hanya menjawab 4 soalan pengunderaitan yang mudah apabila mendaftar.

## Penyelesaian yang Patuh Syariah

- Memenuhi keinginan anda untuk perlindungan yang patuh Syariah.
- Memenuhi matlamat kewangan anda dengan instrumen pelaburan Islam.

<sup>1</sup> Faedah kematian adalah sehingga 100 tahun, manakala perlindungan HUMK adalah sehingga 65 tahun.

<sup>2</sup> Peserta boleh membuat sebarang caruman Tokokan pada bila-bila masa selepas permulaan Sijil dengan jumlah minimum RM500.

<sup>3</sup> Merujuk kepada kemudahan pengeluaran sebahagian - jumlah pengeluaran minimum ialah RM1,000 dan tertakluk kepada baki minimum sebanyak RM5,000 daripada Nilai Akaun.

## Potensi Pertumbuhan ke atas Dana yang Dilaburkan

Anda boleh memilih untuk melabur dalam satu atau sebarang kombinasi Dana-dana Berkaitan Pelaburan AIA PUBLIC bergantung kepada objektif pelaburan dan tahap risiko anda.

Anda juga mempunyai fleksibiliti untuk menukar antara kombinasi yang berbeza bagi Dana-dana Berkaitan Pelaburan AIA PUBLIC untuk memenuhi keperluan anda yang sentiasa berubah.

Terdapat lima Dana-dana Berkaitan Pelaburan yang sedia ada untuk pelan ini. Anda boleh merujuk kepada Lembaran Fakta Dana untuk maklumat lanjut.

## Dana-dana Berkaitan Pelaburan AIA PUBLIC

Dana Pelaburan	Objektif Pelaburan	Instrumen	Tahap Risiko	Caj Pengurusan Dana
A-Dana Income	Untuk menyediakan aliran pulangan pendapatan yang mantap dan selamat.	Melabur ke dalam sekuriti pendapatan tetap (Sukuk), instrumen pasaran kewangan Islam dan Amanah Pelaburan Hartanah (REIT) yang diluluskan Syariah yang disenaraikan di Bursa Malaysia.	Rendah	0.50%
A-Dana Balanced	Untuk memaksimumkan jumlah pulangan dengan tahap keselamatan modal yang munasabah.	Melabur ke dalam instrumen patuh Syariah berdenominasi ringgit termasuk sukuk, ekuiti, dan amanah saham yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti.	Sederhana	1.20%
A-Dana Equity	Untuk menyediakan pertumbuhan jangka masa sederhana dan panjang.	Melabur ke dalam ekuiti yang diluluskan Syariah, Amanah Pelaburan Hartanah (REIT) dan sekuriti berkaitan ekuiti yang disenaraikan di Bursa Malaysia.	Tinggi	1.50%
A-Dana Strategic Dynamic	Untuk memaksimumkan jumlah pulangan jangka panjang (kombinasi pertumbuhan modal dan pendapatan).	Melabur ke dalam portfolio sekuriti-sekuriti patuh Syariah yang disenaraikan di bursa-bursa dalam dan luar negara.	Sederhana	1.50%
A-Dana Strategic Equity	Untuk memaksimumkan pertumbuhan modal jangka sederhana ke jangka panjang.	Melabur ke dalam pelbagai portfolio sekuriti patuh Shariah yang tersenarai di bursa dalam dan luar negara.	Tinggi	1.50%

Nota:

Ini merupakan produk Takaful yang bergantung kepada prestasi aset-aset pendasar dan ia bukan merupakan produk pelaburan sepenuhnya seperti amanah saham.

Caj Pengurusan Dana di caj sebagai % daripada NAV.

# BAGAIMANA CARUMAN SAYA DIPERUNTUKKAN?

## Caruman yang Diperuntukkan

Caruman yang Diperuntukkan adalah bersamaan dengan Caruman ditolak dengan Caruman Tidak Diperuntukkan. Caruman yang Diperuntukkan akan digunakan untuk membeli unit-unit Dana Berkaitan Pelaburan pilihan anda dan membentuk akaun-akaun berikut:

Akaun	Keterangan
Dana Pelaburan Peserta (DPP)	Unit-unit yang telah dibeli akan dimasukkan dalam DPP.
Dana Risiko Peserta (DRP)	<b>Tabarru'</b> ditolak secara bulanan daripada Nilai Akaun di dalam DPP dan diperuntukkan ke dalam DRP sebagai derma bagi tujuan saling menolong dan membantu antara Peserta-peserta lain yang memerlukan.

## Caruman Tidak Diperuntukkan

Amaun ini merujuk kepada Yuran **Wakalah** dan Yuran Sijil:

- Yuran **Wakalah** adalah bayaran pendahuluan yang ditolak di atas Caruman Tunggal dan Tokokan yang berikutnya, sekiranya ada. Ia digunakan untuk membayar perbelanjaan pengurusan AIA PUBLIC dan kos pengedaran langsung. Yuran **Wakalah** adalah 5% daripada amaun Caruman Tunggal atau Caruman Tokokan.
- Yuran Sijil adalah bayaran tunggal untuk kos pentadbiran bagi Sijil tersebut. Yuran Sijil ialah RM100.

Yuran berkenaan	Caruman Tunggal	Caruman Tokokan
Yuran <b>Wakalah</b>	✓	✓
Yuran Sijil	✓	Tidak Berkenaan

Contoh:

Hai, nama saya Ali. Saya berumur 30 tahun dengan tahap kesihatan standard, dan bukan seorang perokok. Saya menyertai **PB ExcelLink-i** dengan Jumlah Dilindungi sebanyak **RM 25,000** dan Caruman Tunggal sebanyak **RM 20,000**.

Berikut adalah butiran bagaimana caruman saya diperuntukkan:

Yuran:	
Yuran <b>Wakalah</b> (5% dari Caruman Tunggal)	= RM 1,000
Yuran Sijil	= RM 100
Caruman Tidak Diperuntukkan	= RM 1,100
<b>Maka, Caruman yang Diperuntukkan</b>	<b>= RM 18,900</b>



# SOALAN-SOALAN LAZIM

## S: Apakah maksud Takaful?

J: Takaful adalah skim saling bantu-membantu berdasarkan prinsip-prinsip perpaduan, persaudaraan, dan kerjasama. Setiap peserta bersetuju untuk membuat caruman berdasarkan Tabarru' (derma) ke dalam dana iaitu Dana Risiko Peserta (DRP), yang akan digunakan untuk membantu satu sama lain pada masa yang diperlukan.

## S: Apakah itu PB ExcelLink-i?

J: **PB ExcelLink-i** ialah Pelan Takaful Berkaitan Pelaburan patuh Syariah dengan Caruman Tunggal, yang menyediakan perlindungan kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK). Pelan ini menawarkan kombinasi perlindungan Takaful dan pelaburan dalam satu pelan.

## S: Siapakah yang layak untuk menyertai PB ExcelLink-i?

	Umur Minimum	Umur Maksimum
Orang yang Dilindungi	14 hari	70 tahun
Peserta	18 tahun	Tiada had

## S: Berapakah jumlah minimum Caruman Tunggal untuk PB ExcelLink-i?

J: Amaun minimum Caruman Tunggal **PB ExcelLink-i** ialah RM8,000.

## S: Apakah tempoh perlindungan untuk PB ExcelLink-i?

J: Pelan ini melindungi anda sehingga umur 100\* tahun dengan syarat Sijil masih berkuatkuasa dan Nilai Akaun adalah mencukupi untuk membayar **Tabarru'** dan caj-caj lain.

\*Perlindungan HUMK adalah sehingga umur 65 tahun.

## S: Bolehkah saya membuat pengeluaran sebahagian daripada PB ExcelLink-i?

J: Ya, pengeluaran sebahagian boleh dibuat untuk pelan ini. Pengeluaran minimum ialah RM1,000 dan baki minimum Nilai Akaun selepas pengeluaran adalah RM5,000.

Tiada yuran pengeluaran dikenakan ke atas pengeluaran sebahagian daripada Nilai Akaun.

## S: Adakah saya layak untuk menukar dana dan apakah caj bagi menukar dana?

J: Ya, anda dibenarkan untuk menukar dana anda mengikut tahap toleransi risiko anda. Yuran pertukaran dana pada masa ini adalah percuma. AIA PUBLIC berhak untuk menyemak semula caj dengan memberikan Peserta 3 bulan notis bertulis terlebih dahulu.

## S: Adakah harga belian dan jualan unit sama?

J: Ya, hanya ada satu harga di mana unit akan dibeli dan dijual pada hari penilaian yang sama.

## S: Adakah Tabarru' untuk PB ExcelLink-i dijamin?

J: **Tabarru'** untuk **PB ExcelLink-i** tidak dijamin dan AIA PUBLIC berhak untuk menyemak semula **Tabarru'** dengan memberi Peserta 3 bulan notis bertulis terlebih dahulu sebelum ulang tahun sijil seterusnya.

**S: Apakah yuran dan caj lain yang perlu saya bayar?**

J: Selain daripada **Tabarru'**, terdapat juga Caj Perkhidmatan Bulanan yang ditolak setiap bulan melalui pemotongan unit dari Nilai Akaun anda. Amaun yang perlu dibayar adalah RM 2.

**S: Adakah saya layak untuk menikmati Lebihan?**

J: Lebihan akan ditentukan dan diisytiharkan, jika ada, sekurang-kurangnya setahun sekali oleh Pengendali Takaful. Jika terdapat apa-apa Lebihan bersih daripada DRP, selepas tuntutan dibayar dan modal yang diperlukan, Lebihan bersih hendaklah dikongsi antara Pengendali Takaful dan Peserta-peserta yang layak pada nisbah berikut:

	Pengendali Takaful	Peserta-peserta
Lebihan daripada DRP	50%	50%

**S: Apakah yang akan saya perolehi apabila serahan, kematangan, kematian atau HUMK?**

Faedah	Serahan	Kematangan	Kematian / HUMK
Nilai Akaun	✓	✓	Jumlah tertinggi di antara:
Jumlah yang Dilindungi	Tiada	Tiada	Jumlah Dilindungi Keseluruhan ATAU Nilai Akaun ATAU RM 5,000

Nota: Semua faedah di atas yang perlu dibayar adalah tertakluk kepada potongan sebarang hutang Sijil.

**S: Bagaimana jika saya mengubah fikiran saya mengenai perlindungan ini?**

J: Anda boleh membatalkan perlindungan anda pada bila-bila masa dengan notis bertulis kepada AIA PUBLIC.

Walau bagaimanapun, anda harus memberi perhatian bahawa menyertai dalam Sijil Takaful Berkaitan Pelaburan dengan Caruman Tunggal adalah komitmen kewangan jangka panjang. Adalah tidak digalakkan untuk memegang Sijil ini bagi tempoh yang singkat memandangkan kos permulaan yang tinggi.

**S: Apakah konsep Syariah yang berkenaan?**

J: • **Tabarru'** (derma) - kontrak yang digunakan di kalangan Peserta. Ia adalah amaun yang ditolak daripada Dana Pelaburan Peserta dan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko Peserta sebagai sumbangan bagi tujuan saling membantu dan membantu rakan peserta yang memerlukan. Kadar Tabarru' tidak dijamin, dan Anda mungkin perlu menambah Sumbangan jika kadar Tabarru' disemak semula.

- **Wakalah bi al-Istithmar** (agensi) - kontrak antara Peserta dan AIA PUBLIC Takaful (sebagai pengendali Takaful), di mana Peserta memberi kuasa kepada AIA PUBLIC Takaful untuk bertindak bagi pihak mereka untuk menjalankan urusan operasi Takaful yang merangkumi pengunderaitan, pelaburan, perkhidmatan sijil dan pemprosesan tuntutan. AIA PUBLIC Takaful akan mengambil sebahagian daripada caruman Peserta sebagai Yuran Wakalah iaitu ganjaran bagi perkhidmatan ini. Dalam melaksanakan tugas di bawah kontrak Wakalah, AIA PUBLIC Takaful boleh mewakilkan atau melibatkan mana-mana pihak ketiga untuk melaksanakan tugas yang berkaitan dalam operasi takaful.
- **Ju'alah** (insentif prestasi) - kontrak ganjaran antara Peserta dan AIA PUBLIC Takaful di mana AIA PUBLIC Takaful berhak memperoleh 50% daripada lebihan yang timbul daripada Dana Risiko Peserta sebagai Ujrah (yuran prestasi) untuk menguruskan dana dengan cekap yang menghasilkan lebihan.
- **Qard** (pinjaman tanpa faedah) - kontrak pinjaman tanpa faedah di mana AIA PUBLIC Takaful menyediakan pinjaman tanpa faedah kepada Dana Risiko Peserta (DRP) sekiranya ia menjadi defisit dan tidak dapat membayar manfaat takaful kepada peserta yang layak. Jumlah ini akan diperolehi semula daripada DRP sebaik sahaja DRP mencukupi, sebelum sebarang pengagihan lebihan dibuat.
- **Hibah Bersyarat** (hadiah bersyarat) – pembayaran sebuah amaun yang dipersetujui di bawah kontrak Hibah daripada satu pihak ke pihak yang lain yang akan berkuatkuasa apabila sebuah syarat tertentu telah dipenuhi. Berkenaan Lebihan daripada Dana Risiko Peserta (DRP), Hibah bersyarat merujuk kepada pembayaran 50% daripada agihan Lebihan untuk tahun kewangan yang berkenaan oleh AIA PUBLIC Takaful kepada Peserta dengan syarat DRP adalah bukan dalam defisit dan tiada tuntutan dibuat terhadap Sijil Takaful pada tahun kewangan tersebut. Berkenaan pembayaran faedah-faedah takaful, Hibah bersyarat merujuk kepada pembayaran faedah kematian oleh AIA PUBLIC Takaful daripada DRP kepada pewaris yang dinamakan oleh Peserta setelah Orang Dilindungi meninggal dunia.

**S: Apakah pengecualian PB ExcelLink-i?**

- J: Pengecualian utama dinyatakan seperti di bawah:
- Kematian akibat bunuh diri dalam keadaan siuman atau tidak siuman dalam tempoh 1 tahun dari Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian. Liabiliti AIA PUBLIC terhad kepada pembayaran balik Nilai Akaun. Selepas itu, Sijil akan ditamatkan.
  - Sebarang HUMK yang disebabkan oleh:
    - Pendedahan kepada bahaya secara sengaja atau cubaan pemusnahan diri atau kecederaan diri semasa siuman ataupun tidak siuman; atau
    - Perkhidmatan dalam angkatan bersenjata semasa peperangan diisytiharkan atau tidak diisytiharkan atau semasa menjalani perintah untuk operasi yang menyerupai peperangan atau pemulihan ketenteraman awam; atau
    - Memasuki, keluar, mengendali, atau memberi khidmat, atau diangkut melalui sebarang peranti atau pengangkutan udara melainkan apabila orang dilindungi adalah penumpang berbayar atau ahli krew untuk penerbangan pengangkutan udara komersial di perjalanan penumpang berjadual biasa melalui laluan penumpang yang ditetapkan; atau
    - Sebarang kecacatan kongenital yang telah dijangkiti atau telah didiagnosiskan sebelum Orang Dilindungi mencapai umur 17 tahun; atau
    - Hilang Upaya akibat daripada keadaan fizikal atau mental yang wujud sebelum Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian, yang tidak dinyatakan dalam permohonan atau kenyataan kesihatan.

Nota: Penerangan, faedah, pengecualian, terma dan syarat yang dinyatakan di atas telah diringkaskan dan adalah tidak menyeluruh. Untuk penjelasan terperinci mengenai faedahnya, terma dan syarat dan pengecualian, sila rujuk kepada Sijil Takaful.

# UNTUK PERHATIAN ANDA

## Pendedahan Umum

1. Ini merupakan satu Pelan Takaful Berkaitan Pelaburan dengan Caruman Tunggal yang memberikan perlindungan dan pulangan pelaburan kepada anda selagi Sijil ini masih berkuatkuasa dan Nilai Akaun mencukupi untuk membayar **Tabarru'** dan caj-caj lain.
2. Sila rujuk kepada Sijil untuk faedah-faedah, pengecualian-pengecualian, terma dan syarat yang terperinci.
3. Anda harus memastikan bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dan caruman yang perlu dibayar di bawah Sijil ini adalah amaun yang mampu anda bayar.
4. Anda mempunyai hak untuk membatalkan Sijil ini dalam tempoh 15 hari tempoh percubaan selepas anda menerima Sijil ini dengan memberi notis bertulis dan mengembalikan Sijil ini kepada AIA PUBLIC. Untuk pembatalan Sijil dalam tempoh percubaan, AIA PUBLIC akan membayar balik kepada anda Nilai Akaun yang wujud pada Tarikh Penilaian sebaik selepas tarikh notis itu diterima dan diluluskan oleh AIA PUBLIC, setelah ditolak jumlah yuran **Wakalah**, yuran Sijil, Caj Perkhidmatan Bulanan dan **Tabarru'** dan dikurangkan ke atas sebarang perbelanjaan yang mungkin telah ditanggung bagi sebarang pemeriksaan perubatan.
5. **Tabarru'** untuk pelan ini tidak dijamin dan AIA PUBLIC mempunyai hak untuk menyemak semula **Tabarru'** dengan memberikan Peserta 3 bulan notis bertulis terlebih dahulu.
6. Pelan ini adalah pelan Takaful Berkaitan Pelaburan dan dikaitkan dengan prestasi aset-aset pendasar, dan bukannya produk pelaburan semata-mata seperti unit amanah.
7. Pelan ini tidak akan memberi faedah daripada Dana Risiko Peserta (DRP) sewaktu serahan, kematangan atau tamat tempoh Sijil.
8. Sila rujuk kepada Ilustrasi Produk yang berkaitan dengan Sijil anda disediakan untuk anda oleh AIA PUBLIC.
9. Sila ambil perhatian bahawa caruman yang dibayar oleh organisasi perniagaan adalah tertakluk kepada cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia pada kadar semasa.

## Pendedahan Berkaitan Dana

1. Sebelum melabur dalam Dana Berkaitan Pelaburan ["Dana"], anda perlu mengambil kira sama ada Dana ini memenuhi objektif pelaburan dan toleransi terhadap risiko.
2. Anda harus maklum bahawa apa-apa pelaburan membawa bersamanya sesuatu tahap risiko pelaburan yang akan ditanggung sepenuhnya oleh Peserta.
3. Nilai Akaun dalam Dana Pelaburan Peserta tidak dijamin dan berubah-ubah berdasarkan prestasi sebenar dana, dan pulangan mungkin kurang daripada jumlah Caruman yang dicarumkan kepada Dana.
4. Aset pelaburan setiap Dana pendasar dinilai pada setiap hari perniagaan untuk menentukan harga setiap unit. Bagi sekuriti yang tersenarai, nilai pasaran aset Dana adalah ditentukan oleh harga yang disebut di Bursa Berdaftar berkaitan. Untuk maklumat lanjut mengenai asas penilaian untuk kelas aset lain, sila rujuk kepada Sijil anda.
5. Prestasi masa lampau Dana mungkin tidak sesuai dijadikan panduan untuk menilai prestasi masa hadapan yang mungkin berbeza.
6. Penetapan harga tunggal digunakan di mana hanya ada satu harga di mana unit yang dibeli dan dijual pada hari penilaian yang sama.
7. Pembentukan dan pembatalan unit adalah berdasarkan kepada harga unit.
8. AIA PUBLIC berhak untuk menggantung pengeluaran atau penebusan unit dalam apa-apa keadaan luar biasa seperti kesan buruk impak daripada dengan jualan umum pelaburan dalam tempoh yang singkat atau penutupan sementara mana-mana Bursa Berdaftar berkaitan. Anda perlu memastikan bahawa maklumat penting mengenai pelan ini didedahkan kepada anda dan bahawa anda memahami maklumat tersebut. Jika terdapat keraguan, anda perlu mendapatkan penjelasan daripada AIA PUBLIC.

**Risalah ini hanya mengandungi penerangan ringkas mengenai produk dan tidak lengkap. Adalah disarankan bahawa anda meminta satu salinan Ilustrasi Produk dan Helaian Pendedahan Produk. Untuk penjelasan terperinci mengenai faedah, terma dan syarat dan pengecualian, sila rujuk kepada Sijil Takaful.**

### Tentang AIA PUBLIC Takaful

AIA PUBLIC Takaful Bhd. (AIA PUBLIC Takaful) dimiliki bersama oleh AIA Bhd. (AIA), Public Bank Berhad (PBB) dan Public Islamic Bank Berhad (anak syarikat milik penuh PBB). Ditubuhkan pada 11 Mac 2011, AIA PUBLIC Takaful menggunakan kedudukan AIA dan Kumpulan PBB sebagai peneraju di samping infrastruktur dan rangkaian pengedaran di dalam industri insurans dan perbankan yang kukuh bagi memacu pertumbuhan dan meningkatkan penembusan Takaful Keluarga di dalam pasaran domestik. AIA PUBLIC Takaful komited dalam menawarkan penyelesaian Syariah yang tepat bagi memenuhi keperluan yang berbeza pada setiap peringkat kehidupan pelanggan-pelanggan kami.

Diuruskan oleh:



Anda juga boleh menghubungi kami di alamat dan talian berikut:

**AIA PUBLIC Takaful Bhd.** 201101007816 (935955-M)  
Menara AIA, 99, Jalan Ampang,  
50450 Kuala Lumpur.  
Care Line: 1300-88-8922  
Tel: 03-2056 1111  
E-mel: [my.customer@aiapublic.com.my](mailto:my.customer@aiapublic.com.my)

[AIA.COM.MY](http://AIA.COM.MY)

**AIA PUBLIC Takaful Bhd. adalah dilesenkan di bawah Akta Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.**